



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel: 03-8883 2545
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisham@moh.gov.my

Ruj. Kami: KKM.600-29/1/34 JLD. 3 (13)
Tarikh : 19 Oktober 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PERINTAH PEGAWAI DIBERI KUASA BERHUBUNG DENGAN GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN COVID-19 ASSESSMENT CENTRE (CAC) SWASTA BAGI PELAKSANAAN PEMANTAUAN KES COVID-19 KATEGORI 1 DAN KATEGORI 2 (RINGAN) DI RUMAH OLEH PENGAMAL PERUBATAN SWASTA

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sebagaimana pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, bilangan kes COVID-19 yang dialami oleh negara amat tinggi, menyebabkan tidak semua kes dimasukkan ke hospital atau Pusat Kuarantin & Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC). Kes-kes kategori 1 dan kategori 2 (ringan) yang berkelayakan adalah menjalankan pengawasan dan pemantauan di rumah. COVID-19 Assessment Centre (CAC) kerajaan telah ditubuhkan bagi tujuan ini.
3. Kementerian Kesihatan Malaysia telah menerima cadangan dari pihak swasta yang berminat untuk menyediakan CAC Swasta (CACS) yang diuruskan sepenuhnya oleh mereka bagi membantu menangani penularan pandemik COVID-19. CACS merupakan alternatif bagi pesakit COVID-19 Kategori 1 dan 2 (Ringan) yang menjalani pemantauan di rumah. KKM mengalu-alukan inisiatif sektor swasta ini bagi mengurangkan beban pesakit di CAC kerajaan.
4. CAC Swasta adalah menggunakan fasiliti selain dari yang didaftarkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] yang digunakan untuk memberikan perkhidmatan pemantauan di rumah atau tempat kediaman pesakit COVID-19 (home monitoring) sahaja dan tidak menjalankan perkhidmatan pesakit luar yang lain. Perkhidmatan ini disediakan di dewan, hotel dan sebagainya.

5. Sehubungan dengan itu, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga bersama-sama Bahagian Kawalan Penyakit, Bahagian Amalan Perubatan dan Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM telah menyediakan satu garis panduan sebagai rujukan pihak yang ingin menyediakan perkhidmatan CAC Swasta ini dan juga panduan kepada pihak Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dalam memantau CACS. Perintah pegawai diberi kuasa berhubung dengan garis panduan ini dilampirkan bersama-sama garis panduan tersebut untuk tindakan pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan selanjutnya.

6. Sebarang pertanyaan berhubung garis panduan ini boleh dikemukakan kepada Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, untuk perhatian **Dr. Rajini Sooryanarayana**, di alamat e-mel: drrajini@moh.gov.my atau talian **03-88832159**. Pertanyaan juga boleh ditujukan kepada Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit, untuk perhatian **Dr. Rohani Jahis**, di alamat e-mel: rohbj@moh.gov.my atau talian **03-8883 4412**.

7. Segala kerjasama dari pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH)



s.k. YB Menteri Kesihatan

YB Timbalan Menteri Kesihatan I

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam),
Kementerian Kesihatan Malaysia

Penasihat Undang-Undang
Pejabat Penasihat Undang-Undang

Setiausaha Bahagian Kanan
Bahagian Kewangan

Setiausaha Bahagian Kanan
Bahagian Akaun

Pengarah
Bahagian Amalan Perubatan
(u.p. Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta)

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit

Pengarah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan

Ketua Sektor
Sektor Inspektorat dan Perundangan
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

SENARAI EDARAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah Kesihatan
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah Hospital
Hospital Kuala Lumpur

Setiausaha Kehormat
Persatuan Perubatan Malaysia (Malaysian Medical Association, MMA)

Presiden
Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia (MPCAM)

Presiden
Persatuan Doktor-Doktor Islam Malaysian (PERDIM)

Presiden
Federation of Private Medical Practitioners' Association of Malaysia (FPMPAM)

Presiden
Association of Private Hospitals of Malaysia (APHM)

**GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN
COVID-19 ASSESSMENT CENTRE (CAC) SWASTA BAGI
PELAKSANAAN PEMANTAUAN KES COVID-19
KATEGORI 1 DAN KATEGORI 2 (RINGAN) DI RUMAH
OLEH PENGAMAL PERUBATAN SWASTA**

Disediakan oleh: Kementerian Kesihatan Malaysia
Tarikh: 12 Oktober 2021

KANDUNGAN

1. Tujuan	1
2. Latar Belakang	1
3. Penubuhan CAC Swasta.....	2
3.1 Definisi CAC Swasta.....	2
3.2 Skop CAC Swasta	2
3.3 Pemohon bagi menubuhkan CAC Swasta.....	3
3.4 Pelaksanaan perkhidmatan	3
3.5 Kaedah Penubuhan CAC Swasta (CACs)	3
3.6 Format permohonan	4
3.7 Keperluan lain.....	4
3.7.1 Keperluan bagi penambahan tempat amalan pada sijil perakuan amalan tahunan pengamal perubatan swasta.....	4
3.7.2 Fi Bagi Perkhidmatan Pesakit.....	4
3.7.3 Kakitangan sokongan klinikal	4
3.7.4 Kesesuaian ruang CAC Swasta	5
3.8 Promosi/ Pengiklanan Oleh CAC Swasta.....	5
3.9 Pengawasan di Rumah dan Pemberian Perintah Pengasingan atau Pengawasan (HSO) oleh PPS.....	5
3.10 Pengurusan Aduan dan Tuntutan Perubatan (<i>Medical Indemnity</i>)	5
3.11 Rekod Perubatan Pesakit.....	5
3.12 Pengangkutan Pesakit	6
3.13 Pelaksanaan Pemantauan	6
3.14 Garis Panduan Berkaitan	6
3.15 Pemakaian	6
3.16 Pertanyaan Lanjut	6
3.17 Tarikh Kuat Kuasa	7

1. Tujuan

Garis panduan ini adalah untuk kegunaan mana-mana pegawai perubatan swasta (PPS) dari sesebuah klinik perubatan swasta yang berdaftar di bawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586], yang akan menubuhkan CAC swasta.

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama Annex 2n, "Guidelines On Home Monitoring And Clinical Protocol At Primary Care For Category 1 And Category 2 (Mild) Confirmed COVID-19 Cases By Private Medical Practitioners" (Annex 2n) yang memperincikan perkhidmatan pemantauan di rumah (*home monitoring*) oleh pengamal perubatan swasta.

Garis panduan ini juga adalah sebagai rujukan kepada CAC Swasta untuk:

- i. memantau pelaksanaan perkhidmatan pemantauan di rumah;
- ii. pemberian surat Perintah Pengasingan atau Pengawasan Orang Yang Dijangkiti atau Orang Yang Disyaki Telah Dijangkiti Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) Di Bawah Peraturan 12A Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) 2021 [P.U. (A) 293/2021] seperti di Annex 14c, laman web COVID KKM;
- iii. penyediaan dan pemakaian peranti pengesanan (*wristband*);
- iv. pemberian surat Pelepasan Dari Menjalani Pengasingan Atau Pengawasan Orang Yang Dijangkiti Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) atau Orang Yang Disyaki Dijangkiti Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) di bawah Peraturan 12A Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) 2021 [P.U. (A) 293/2021] dan pemotongan peranti pengawasan di bawah peraturan yang sama.

Pemberian Perintah Pengasingan atau Pengawasan Orang Yang Dijangkiti atau Orang Yang Disyaki Telah Dijangkiti COVID-19 iaitu Home Surveillance Order (HSO) di perkara (ii), penyediaan dan pemakaian peranti pengawasan gelang di perkara (iii) serta pemberian surat arahan pelepasan dari Perintah Pengasingan atau Pengawasan di rumah iaitu Release Order (RO) di perkara (iv) adalah merujuk kepada pesakit di kawasan yang tidak dikeluarkan sijil *Digital* HSO melalui aplikasi MySejahtera.

2. Latar Belakang

Pandemik COVID-19 telah mengakibatkan kapasiti sistem kesihatan negara melampaui tahap maksima. Peningkatan kes harian COVID-19 menyebabkan hospital dan *Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah* (PKRC) tidak dapat menampung keperluan pesakit.

Sungguhpun demikian, majoriti pesakit tiada sebarang gejala atau mengalami gejala ringan yang sesuai untuk dipantau di rumah. COVID-19 Assessment Centres (CAC) telah ditubuhkan bagi membuat penilaian klinikal dan menjalankan pemantauan pesakit COVID-19 di rumah.

3. Penubuhan CAC Swasta

3.1 Definisi CAC Swasta

CAC Swasta (CACS) adalah kategori CAC bagi pengamal perubatan swasta (PPS) yang menggunakan fasiliti selain dari yang didaftarkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] (contohnya: dewan, hotel dan sebagainya) yang digunakan untuk memberikan perkhidmatan pemantauan di rumah atau tempat kediaman bagi pesakit COVID-19 (*home monitoring*) sahaja dan tidak menjalankan perkhidmatan pesakit luar yang lain.

CACS hanya boleh dimohon oleh pengamal perubatan berdaftar dan diluluskan di atas nama Pemegang Perakuan bagi sesebuah klinik perubatan swasta yang berdaftar dibawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].

Ini berbeza dengan CAC GP yang menggunakan klinik GP yang berdaftar di bawah Akta 586 untuk melaksanakan perkhidmatan pemantauan di rumah bagi pesakit COVID-19, dan pada masa yang sama masih menjalankan perkhidmatan pesakit luar. CAC Swasta hanya menerima kes COVID-19 kategori 1 dan kategori 2 (ringan) manakala di CAC GP, kes COVID-19 kategori 1 dan kategori 2 (ringan) diterima selain daripada kes pesakit luar yang lain.

3.2 Skop CAC Swasta

Pemohon perlu menyediakan fasiliti khusus (tempat dan ruang bersesuaian) dan perkhidmatan bagi membantu:

- i. Mengenalpasti dan menilai kes COVID-19 yang bersesuaian untuk menjalani pengasingan atau pengawasan di rumah atau tempat kediaman (*Home Surveillance Order*; HSO);
- ii. Memantau dan menilai status kesihatan kes menggunakan borang Home Assessment Tool (HAT) (merujuk kepada Annex 2n);
- iii. Mengenalpasti kes dengan kemerosotan gejala klinikal yang memerlukan rujukan [Kategori 2 (sederhana) hingga Kategori 5] ke fasiliti kesihatan kerajaan atau swasta; dan
- iv. Menguruskan pengangkutan pesakit yang memerlukan rujukan.

CAC Swasta tidak dibenarkan beroperasi sebagai *One Stop Centre* yang menawarkan perkhidmatan lain seperti kemudahan saringan dan persampelan (pengambilan swab), Pusat Pemberian Vaksin (PPV), tempat rawatan pesakit lain (klinik GP), Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) [atau Jabatan Kecemasan] yang digabungkan bersama.

Walau bagaimanapun, ruangan kecemasan harus disediakan di CAC Swasta bagi kegunaan rawatan kecemasan pesakit. Kes kecemasan ini merujuk kepada pesakit yang datang untuk penilaian secara bersemuka (jika berkaitan) sebelum konsultasi virtual lanjut.

3.3 Pemohon bagi menubuhkan CAC Swasta

Pemohon hendaklah telah dilantik sebagai pegawai diberi kuasa di bawah Seksyen 3, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], dan hendaklah merupakan Pemegang Perakuan bagi sesebuah klinik perubatan swasta yang berdaftar dibawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].

3.4 Pelaksanaan perkhidmatan

CAC Swasta perlu memenuhi keperluan dalam garis panduan “Guidelines On Home Monitoring And Clinical Protocol At Primary Care For Category 1 And Category 2 (Mild) Confirmed COVID-19 Cases By Private Medical Practitioners” (Annex 2n) yang boleh dicapai di pautan <https://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan/garis-panduan-kkm/>.

3.5 Kaedah Penubuhan CAC Swasta (CACS)

Pemohonan untuk menubuhkan CACS hendaklah dikemukakan kepada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga) mengikut tatacara yang ditetapkan. Sila rujuk perkara 3.5 dan carta alir di Lampiran 1.

CACS akan diberikan kelulusan untuk beroperasi di atas nama Pemegang Perakuan bagi sesebuah klinik perubatan swasta yang berdaftar dibawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].

Pemohon CACS dikehendaki memaklumkan KKM secara bertulis apabila tamat operasi CACS tersebut.

3.6 Format permohonan

Sila rujuk Lampiran 2.

Pemegang Perakuan bagi sesebuah klinik perubatan swasta yang berdaftar dibawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*] hendaklah melengkapkan Format Permohonan CAC Swasta di Lampiran 2 dan menghantar permohonan tersebut kepada alamat emel bppk@moh.gov.my

3.7 Keperluan lain

3.7.1 Keperluan bagi penambahan tempat amalan pada sijil perakuan amalan tahunan pengamal perubatan swasta

Mana-mana pengamal perubatan berdaftar yang hendak menjalankan amalannya di tempat selain daripada alamat yang dinyatakan dalam perakuan amalan tahunannya hendaklah membuat permohonan bagi menambah alamat tempat beramal kepada Majlis Perubatan Malaysia (MPM) sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah subseksyen 20(6) Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*] dalam tempoh 30 hari dari tarikh mula beramal di tempat tersebut.

3.7.2 Fi Bagi Perkhidmatan Pesakit

Pesakit boleh dikenakan caj seperti berikut:

Fi profesional adalah seperti Jadual Ketujuh, Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik perubatan dan Klinik Pergigian Swasta) 2006 [*P.U. (A) 137/2006*], iaitu antara RM30 hingga RM 65 bagi setiap sesi (klinik tanpa perkhidmatan farmaseutikal). Walau bagaimanapun, bayaran yang dikenakan oleh PPS seharusnya tidak terlalu tinggi bagi tujuan *Home Monitoring* bagi mengawal penularan jangkitan sewaktu pandemik. Pengurangan harga yang dikenakan kepada pesakit boleh dianggap termasuk dalam sumbangan sosial dan kebajikan yang diberikan.

Caj bagi pemberian surat untuk HSO dan surat arahan pelepasan dari Perintah Pengasingan atau Pengawasan di rumah (*Release Order, RO*) serta penyediaan dan pemakaian peranti pengawasan adalah dianggap sebahagian daripada fi profesional.

3.7.3 Kakitangan sokongan klinikal

Pengamal Perubatan Swasta adalah bertanggungjawab kepada paramedik yang membantu menjalankan tugas pemantauan di rumah. Hanya paramedik yang berdaftar di bawah suatu akta yang berkaitan dan masih berkuatkuasa, serta mempunyai Sijil Perakuan Pembaharuan Amalan Tahunan yang sah seperti

Pembantu Perubatan/ Penolong Pegawai Perubatan (*Medical Assistant/ Assistant Medical Officer*) atau Jururawat Terlatih (*Registered Nurse*) dibenarkan untuk bertugas di CAC Swasta.

3.7.4 Kesesuaian ruang CAC Swasta

Ruang CAC Swasta hendaklah berada jauh dari laluan orang awam atau tempat tumpuan orang awam bagi mengurangkan risiko penularan atau jangkitan kepada orang awam. Ruangan di mana CAC Swasta beroperasi, termasuk pintu masuk dan pintu keluar serta fasiliti gunasama seperti tandas, tidak boleh digunakan oleh mana-mana pihak yang lain.

3.8 Promosi/ Pengiklanan Oleh CAC Swasta

CAC Swasta **tidak dibenarkan** untuk membuat sebarang bentuk promosi atau pengiklanan berhubung Degnan pengoperasian CAC Swasta tersebut. Sebarang pemakluman berhubung dengan perkhidmatan CAC ini akan dibuat oleh KKM melalui siaran di laman web rasmi serta media sosial Jabatan Kesihatan Negeri serta Kementerian Kesihatan Malaysia.

3.9 Pengawasan di Rumah dan Pemberian Perintah Pengasingan atau Pengawasan (HSO) oleh PPS

Hanya PPS yang telah dilantik sebagai pegawai diberi kuasa di bawah seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] boleh mengeluarkan Perintah HSO. Manakala pengawasan di rumah boleh dilakukan oleh mana-mana PPS walaupun tidak dilantik sebagai pegawai diberi kuasa di bawah seksyen 3 Akta 342. Sila rujuk kepada Annex 2n.

3.10 Pengurusan Aduan dan Tuntutan Perubatan (*Medical Indemnity*)

Pihak CAC swasta hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas apa-apa ketidakpuasan hati atau pertikaian oleh pesakit atau pihak ketiga, dan apa-apa tuntutan oleh pesakit atau pihak ketiga termasuk tuntutan bagi kes kecuai perubatan akibat daripada khidmat pemantauan di rumah yang diberikan.

3.11 Rekod Perubatan Pesakit

Rekod saringan dan pemantauan hendaklah disimpan oleh CAC swasta. Jika CAC Swasta dibubarkan, rekod tetap mesti disimpan oleh pihak klinik swasta sehingga tempoh 7 tahun.

3.12 Pengangkutan Pesakit

CAC Swasta hendaklah bertanggungjawab untuk menguruskan pengangkutan bagi mana-mana pesakit yang hendak dirujuk ke mana-mana PKRC/ PKRCS atau fasiliti kesihatan awam/ swasta.

3.13 Pelaksanaan Pemantauan

CAC Swasta hendaklah membenarkan KKM untuk masuk dan membuat pemeriksaan dan pemantauan di premis CAC Swasta. Sekiranya semasa melakukan pemeriksaan KKM mendapati CAC Swasta tidak mematuhi skop perkhidmatan seperti yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan, maka KKM berhak untuk menarik balik kelulusan pengoperasian CAC swasta ini.

CAC Swasta yang menyediakan perkhidmatan di luar skop seperti yang telah diluluskan boleh dianggap melakukan pelanggaran di bawah Seksyen 3 atau 4, Akta 586 dan boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta 586.

Pemantauan dan penguatkuasaan di bawah Akta 342 dan P.U. (A) 293/2021 juga boleh dilakukan ke atas CAC Swasta.

3.14 Garis Panduan Berkaitan

Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia oleh KKM yang terkini atau mana-mana garis panduan berkaitan yang dikeluarkan dari masa ke semasa. (boleh diperolehi di <http://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan/garis-panduankkm>).

3.15 Pemakaian

Pemakaian garis panduan ini adalah sepanjang tempoh perisytiharan kawasan tempatan jangkitan atau apa-apa tempoh masa yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

3.16 Pertanyaan Lanjut

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga atau Bahagian Kawalan Penyakit:

Pengarah,
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga,
Aras 8, Blok E10, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya
No. Telefon : 03-88834011 No. Faks : 03-88886150
(u.p. **Dr Rajini Sooryanarayana**,
Tel 03-8883 2159, emel drrajini@moh.gov.my)

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit
Aras 3, Blok E10, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62690 Putrajaya
No. Telefon : 03-88834118/ 4119 No. Faks : 03-88810400/ 0500
(u.p. **Dr Rohani Jahis**,
Tel 03-8883 4412 atau emel rohbj@moh.gov.my)

3.17 Tarikh Kuat Kuasa

Garis panduan ini berkuatkuasa serta merta mengikut tarikh arahan sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Garis panduan ini disediakan oleh:

Cawangan Penjagaan Kesihatan Primer,
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta,
Bahagian Amalan Perubatan

Bahagian Kawalan Penyakit


Sektor Inspektorat dan Perundangan,
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

Pejabat Penasihat Undang-Undang

Tarikh kemaskini: 12 Oktober 2021

Lampiran 1

Rajah 1: CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN CAC SWASTA



Lampiran 2

**1. Format permohonan CAC Swasta dan senarai semak
(mohon pemohon e-melkan dokumen sokongan untuk semakan sebelum pembentangan)**

Bil.	Perkara	Butiran diperlukan	Semakan
1	Nama pemohon	Nama penuh (huruf besar) (pemohon mestilah pemegang perakuan pendaftaran klinik swasta yang menyediakan perkhidmatan di CAC Swasta berkenaan)	
2	Nombor MPM dan Nombor perakuan amalan tahunan	Nombor pendaftaran penuh MPM dan Nombor perakuan amalan tahunan	
3	Nama dan alamat klinik swasta		
4	No. pendaftaran klinik perubatan swasta		
5	Cadangan alamat dan lokasi CAC swasta	Alamat penuh dan penerangan ringkas fasiliti yang dicadangkan (jenis bangunan) Cth: dewan, pusat latihan, dll	
6	Skop perkhidmatan	Hanya untuk pemantauan di rumah bagi pesakit COVID-19 kategori 1 dan kategori 2 (ringan)	
7	Keluasan fasiliti	1. Ukuran ruang 2. Pengudaraan yang mencukupi	
8	<i>Schematic drawing</i> / pelan lantai bersama gambar : Pelan bagi kemudahan yang akan disediakan serta	1. Laluan masuk 2. Ruang menunggu 3. Ruang pendaftaran 4. Pengambilan tanda vital 5. Ruang konsultasi	

GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN COVID-19 ASSESSMENT CENTRE (CAC) SWASTA BAGI PELAKSANAAN PEMANTAUAN KES COVID-19 KATEGORI 1 DAN KATEGORI 2 (RINGAN) DI RUMAH OLEH PENGAMAL PERUBATAN SWASTA - KEMASKINI 12 OKTOBER 2021

	penerangan ringkas aliran pesakit	6. Zon kecemasan 7. Ruang PPE donning 8. Ruang PPE doffing 9. Laluan keluar 10. Tandas	
9	Bil. anggota	Bil. anggota dan kategori anggota sewaktu operasi	
10	Nama anggota (jika paramedik nyatakan nombor APC)		
11	Waktu operasi	Waktu dan hari operasi (perlu beroperasi 7 hari seminggu)	
12	Bayaran yang dikenakan	Caj (RM) yang dikenakan kepada pesakit	

3. Perincian perkhidmatan CAC swasta

Bil.	Perkara	Butiran keperluan	Semakan
1	Kaedah penerimaan pesakit	<i>Walk-in/</i> temujanji	
2	Kapasiti pesakit	Bilangan pesakit maksima yang boleh dikendalikan pada sesuatu masa	
3	Kaedah pemantauan menggunakan HAT	Borang manual/ sistem elektronik	
4	Peralatan perubatan minima	<p>Peralatan perubatan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Thermometer</i> 2. <i>BP Set</i> 3. <i>Pulse Oxymeter</i> 4. <i>Glucometer</i> 5. <i>Resuscitation trolley</i> 6. <i>Resuscitation kit</i> 7. Bekalan intravena (<i>Intravenous therapy supplies</i>) 8. Elektrokardiogram (<i>Electrocardiogram</i>) 9. Kelengkapan sedut (<i>Suction equipment</i>) 10. Ubat dan bekalan/ kelengkapan perubatan kecemasan lain yang perlu (<i>Drugs and other emergency medical equipment/ supplies</i>) 11. <i>Filled oxygen tank</i> 12. <i>AED defibrillator</i> 13. <i>Medical bed</i> <p>Peralatan bukan perubatan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Clinical waste bin</i> 2. <i>Sharp bin</i> 3. <i>Domestic bin</i> 4. <i>Complete set of PPE (Face shield, Head cover, N95, Gloves, Long sleeved fluid resistant isolation gown, boot cover, apron)</i> 5. <i>Spillage Kit</i> 6. <i>Decontamination Machine (optional)</i> 7. <i>Gelang tangan pengawasan (jika tiada digital HSO)</i> 	
5	Kawalan infeksi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelupusan sisa klinikal 2. Pembersihan 	

GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN COVID-19 ASSESSMENT CENTRE (CAC) SWASTA BAGI PELAKSANAAN PEMANTAUAN KES COVID-19 KATEGORI 1 DAN KATEGORI 2 (RINGAN) DI RUMAH OLEH PENGAMAL PERUBATAN SWASTA - KEMASKINI 12 OKTOBER 2021

	(Perlu kemukakan perjanjian Pembuangan Sisa Klinikal yang sah laku (tertera alamat CAC swasta)		
6	Rujukan	Sistem rujukan pesakit	
7	Kenderaan/ Ambulans (kemukakan perjanjian ambulans)	Sokongan ambulans	
8	Polisi bertulis	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengimbas kod QR aplikasi MySejahtera, tatacara pendaftaran, kedatangan, rujukan 2. Kawalan jangkitan 3. Jadual fi 4. Pengenalan diri kakitangan 5. Tatacara pengebilan 6. Hak pesakit <ul style="list-style-type: none"> - mendapatkan maklumat perkhidmatan - diberitahu tentang tatacara ketidakpuasan hati - dibekali atau diberikan rekod perubatan <ol style="list-style-type: none"> 7. Pelan mekanisme ketidakpuasan hati pesakit 	
9	Carta organisasi menyatakan kuasa, tanggungjawab dan fungsi setiap kakitangan		
10	Bukti pematuhan terhadap keperluan agensi lain yang berkaitan (Bomba dan Pihak Berkuasa Tempatan)		

3. Pelan lantai/ Layout CAC Swasta:

Sertakan gambar rajah pelan lantai.